

HANTU KECIL
Collared Owlet

FAMILI: Strigidae
NAMA SAINTIFIK: *Glaucidium brodiei*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi sub-spesies *G.b.brodiei*, ia menyerupai spesies *G.cuculoides*, tetapi ia mempunyai saiz yang lebih kecil di mana pada bahagian atas belakang badan kelihatan satu corak seperti muka berwarna kuning pucat dan hitam. Individu ini mempunyai bahagian mahkota kepala yang berwarna kelabu dan selalunya bintik-bintik adalah lebih banyak daripada jalur. Pada bahagian rengkong, terdapat jalur berwarna kegelapan merentasi bahagian ini manakala pada bahagian perut dan bahagian bawah sisi badan, terdapat jalur-jalur berbentuk seperti titisan air mata serta bahagian sayap yang tidak berjalur. Bagi individu juvenil pula, ia mempunyai bahagian mahkota kepala ke bahagian atas belakang badan yang tidak bertanda manakala bahagian mahkota kepala terdapat jalur-jalur berwarna putih. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 16-16.5 sm.

MAKANAN

Burung yang bersaiz kecil, tikus dan serangga. Sesetengah spesies memakan haiwan invertebrata, amfibia, reptilia dan ikan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap pada ketinggian sehingga ke 3,050 m dari aras laut. Di Semenanjung Malaysia, ia hanya boleh dijumpai di kawasan yang melebihi 395 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang kuat dan berirama *pho pho-pho pho* (dalam tempoh kira-kira 2 saat) yang diulangi setiap 1-2 saat. Selalunya kedengaran semasa waktu siang.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mac hingga Julai di mana sarang dibina di kawasan lubang pada bahagian pokok atau pada sarang spesies Belatuk, *Picus spp*, atau spesies Takur, *Megalaima spp*, yang ditinggalkan pada ketinggian di antara 2-10 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-5 biji, berwarna putih dan berukuran kira-kira 29 X 24 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.